



HRD CORP RAIKAN 934 PELAJAR CEMERLANG SPM 2025, MEMPERKASA AGENDA PEMBANGUNAN MODAL INSAN NEGARA

SUNGAI BULOH, 9 Mei 2026 – Human Resource Development Corporation (HRD Corp), di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), hari ini meraikan seramai 934 pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2025, daripada 12 sekolah di sekitar kawasan Sungai Buloh menerusi Program Sumbangan Pelajar Cemerlang, dengan jumlah sumbangan keseluruhan sebanyak RM318,900.

Berlangsung di Dewan Serbaguna Seksyen 7, Kota Damansara, program yang disempurnakan oleh YB Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan ini telah menghimpunkan kira-kira 2,000 hadirin yang terdiri daripada pelajar, ibu bapa dan komuniti setempat, sekali gus menzahirkan pendekatan seluruh masyarakat dalam memupuk bakat masa depan negara.

Inisiatif ini mengiktiraf kecemerlangan pelajar di samping menggalakkan pembangunan berterusan melangkaui pencapaian akademik. Ia juga selari dengan usaha KESUMA dan HRD Corp dalam memperkukuh pembangunan kemahiran dan kebolehpasaran generasi muda.

Inisiatif ini turut membawa pendekatan yang lebih inklusif, bukan hanya meraikan pelajar dengan keputusan tertinggi, tetapi juga menghargai usaha dan pencapaian pelajar yang memperoleh keputusan 4A dan ke atas. Pendekatan ini mencerminkan keyakinan bahawa setiap pencapaian mempunyai nilai tersendiri dan wajar diberikan pengiktirafan serta galakan untuk terus melangkah maju.

Dalam ucapannya, YB Dato' Sri Ramanan turut menekankan kepentingan pembangunan kemahiran dan peranan institusi TVET dalam menyediakan lebih banyak peluang kepada generasi muda membina masa depan yang lebih baik.

"Institusi TVET di bawah KESUMA seperti Kolej ADTEC terus menunjukkan pencapaian memberangsangkan, dengan kadar kebolehpasaran graduan mencecah 95.5 peratus. Ini membuktikan bahawa laluan kemahiran juga mampu membuka peluang kerjaya yang baik kepada generasi muda," ujar YB Dato' Sri Ramanan.

UNTUK SIARAN SEGERA

Sementara itu, Ketua Eksekutif HRD Corp, Dato' Shamir Aziz berkata inisiatif seperti ini bukan sahaja bertujuan mengiktiraf pencapaian pelajar, malah menjadi dorongan kepada generasi muda untuk terus berusaha dan membina masa depan yang lebih baik.

“Kejayaan bukan datang dengan mudah. Teruskan bekerja keras, percaya kepada diri sendiri dan jangan lupa ibu bapa yang sentiasa berada di sisi kita sepanjang perjalanan hidup. Walau sejauh mana kita melangkah dalam kehidupan, pada mereka kita tetap anak kecil yang sentiasa mereka doakan kejayaannya,” kata Dato' Shamir Aziz.

Turut hadir Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Antarabangsa) KESUMA, Dr. Hj. Mohd Shahrin Umar dan Pengerusi HRD Corp, Datuk Rusli Jaafar.

Menerusi inisiatif seperti ini, HRD Corp terus memacu agenda MADANI dengan memperkasa individu, mengangkat komuniti serta membina tenaga kerja yang berkemahiran tinggi, berdaya tahan dan bersedia menghadapi masa depan negara.

TAMAT

UNTUK SIARAN SEGERA

Mengenai HRD Corp

Human Resource Development Corporation (HRD Corp) merupakan agensi peneraju kerajaan Malaysia bagi pembangunan modal insan di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA).

Diurus selia oleh Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 (Akta PSMB 2001), HRD Corp bertanggungjawab terhadap kutipan serta pentadbiran levi pembangunan sumber manusia melalui Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM). Tanggungjawab ini merangkumi usaha menggalakkan latihan, latihan semula serta peningkatan kemahiran pekerja, perantis dan pelatih, untuk menyelaraskan keupayaan mereka dengan keperluan majikan serta aspirasi negara untuk membangunkan tenaga kerja berkemahiran tinggi. Usaha ini memastikan tenaga kerja Malaysia kekal berdaya saing di samping mampu menyesuaikan diri dengan tuntutan ekonomi semasa dan masa depan.

HRD Corp juga memainkan peranan penting dalam memperkukuh pasaran latihan di Malaysia, memacu inovasi, kualiti dan akses inklusif kepada pembangunan kemahiran di seluruh negara.

'MADANI Bekerja'.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.hrdcorp.gov.my.